

B 8553 AAB
MAHATHIR-BN RRR

ALOR SETAR, 17 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATI ANGGOTA-ANGGOTA KOMPONEN BARISAN NASIONAL SUPAYA MENYELESAIKAN SEMUA MASALAH SECARA RUNDINGAN.

KATANYA, MEREKA TIDAK HARUS MENDEDAHKAN SESUATU ISU MELALUI MEDIA MASSA ATAU MENGELUARKAN KENYATAAN AKHBAR BAGI MELAHIRKAN PERASAAN TIDAK PUAS HATI MEREKA.

KETIKA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 400 ORANG PEMIMPIN BN KEDAH DARIPADA PELBAGAI PERINGKAT DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA HENDAKLAH MENGGUNAKAN SALURAN PARTI UNTUK MENYELESAIKAN MSALAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi BN BERKATA PERBUATAN MENDEDAHKAN MASALAH MELALUI AKHBAR HANYA MERUGIKAN BN DAN SEBALIKNYA MENGUNTINGKAN PASTI-PARTI LAWAN.

BELIAU JUGA MEMINTA PEMIMPIN-PEMIMPIN BN MEMBERI PERHATIAN SERIUS TERHADAP TUDUHAN-TUDUHAN PALSU YANG DILEMPARKAN OLEH PIHAK PEMBANGKANG TERHADAP KERAJAAN. -- LAGI
1711MST 17 08 87

B 8554 AAB
BN-MAHATHIR 2 ALOR SETAR

MEREKA JANGANLAH ASYIK BERTELAGAH SESAMA SENDIRI DAN MEMBIARKAN ORANG LAIN MENGUTUK KERAJAAN.

+KALAU KITA MEMBIARKAN FITNAH TERHADAP KERAJAAN BERTERUSAN TANPA DILAWANI, KITA AKAN HILANG KUASA YANG ADA PADA KERAJAAN,+ KATA BELIAU.

BELIAU DUKACITA ADA SEBAHAGIAN PEMIMPIN BN SENDIRI YANG TERPENGARUH DENGAN KECAMAN-KECAMAN TERHADAP KERAJAAN OLEH PEMBANGKANG.

KERAJAAN NEGARA INI, SEBAGAI SEBUAH KERAJAAN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT, MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB UNTUK MENERUSKAN PENTADBIRAN YANG BAIK UNTUK RAKYAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PARA PEMIMPIN BN HARUS MEMBERI PERHATIAN TERHADAP PERCUBAAN PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG CUBA MENGAMBIL ALIH KUASA DARI KERAJAAN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT.-- LAGI
1712MST 17 08 87

B 8556 AAB
MAHATHIR-BN 3 ALOR SETAR

PERBUATAN INI AMAT BAHAYA DAN KEADAAN NEGARA AKAN KUCAR-KACIR SEKIRANYA BN TIDAK LAGI BERKUASA.

MENGENAI EKONOMI, PERDANA MENTERI BERKATA KEADAAN EKONOMI NEGARA BELUM PULIH DAN ANGGOTA-ANGGOTA BN HENDAKLAH BERSABAR.

MEREKA HENDAKLAH TERUS MENGEKALKAN PERPADUAN YANG WUJUD SEJAK 17 TAHUN YANG LALU TANPA SEBARANG PERGADUHAN KAUM.

KATANYA, EKONOMI BOLEH DIPULIHKAN OLEH SEBUAH KERAJAAN YANG STABIL DI BAWAH PIMPINAN BN. -- BERNAMA
1715MST 17 08 87